

PENGGUNAAN INTERNET DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH
RENDAH DI SEKITAR JOHOR BAHRU, JOHOR.

NORAZLINA BINTI ADAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

**JUDUL : PENGGUNAAN INTERNET DALAM KALANGAN GURU-GURU
SEKOLAH RENDAH DI SEKITAR JOHOR BAHRU, JOHOR.**

SESI PENGAJIAN : 2007/2008

Saya NORAZLINA BINTI ADAM

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/ ~~Sarjana/ Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : No 47 Jalan PI 6/8
Taman Pulau Indah,
81110 Johor Bahru, Johor.


EN. ABDUL RAZAK BIN IDRIS
Nama Penelia

Tarikh : 24 APRIL 2008

Tarikh : 24/4/2008

- CATATAN:**
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer Serta Pendidikan (Matematik)”

Tandatangan : 

Nama Penyelia : **EN. ABDUL RAZAK BIN IDRIS**

Tarikh : **24/4/2008**

PENGGUNAAN INTERNET DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH
RENDAH DI SEKITAR JOHOR BAHRU, JOHOR


NORAZLINA BINTI ADAM

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan
(Matematik)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2008

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang
setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan : 

Nama Penulis : **NORAZLINA BINTI ADAM**

Tarikh : **24 APRIL 2008**

DEDIKASI

*Buat ayahanda, bonda tersayang,
Adam Husin dan Zaini Mohd Zin,
Buat suami dan anak tercinta
Ahmad Tarmidi Zakaria dan Fareeq Hakimi,,
terima kasih atas restu dan doa yang senantiasa mengiringi hidupku.
Kalian inspirasi dan sumber kejayaanku.*

*Buat keluargaku,
Sokongan moral kalian menguatkan azam dan tekadku
untuk terus berusaha hingga berjaya.*

*Buat pensyarah-pensyarah,
terima kasih atas didikan, bimbingan dan teguran yang diberikan
sepanjang saya menuntut ilmu di UTM.
Jasa kalian amat bererti bagi saya.*

*Buat teman-teman,
kenangan suka dan duka akan senantiasa dalam ingatan.*

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga serta para sahabat.

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Abdul Razak Idris, selaku penyelia tesis yang telah banyak memberikan bimbingan, nasihat dan dorongan sepanjang tempoh penyelidikan tesis ini. Hanya Allah mampu membalas jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak kakitangan Sekolah Kebangsaan Sri Kenangan, Sekolah Kebangsaan Sri Melati, Sekolah Kebangsaan Taman Cempaka dan Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Kempas atas kerjasama dan bantuan mereka bagi menjayakan kajian ini. Kerjasama dan bantuan daripada mereka amatlah dihargai.

Akhir sekali, penulis turut merakamkan penghargaan kepada ibu bapa, suami, anak dan rakan-rakan yang sentiasa memberi sokongan moral dan nasihat sepanjang penulis menyiapkan tesis ini. Semoga Allah akan memberi sebaik-baik ganjaran dan balasan di atas dorongan yang mereka curahkan selama ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di sekitar Johor Bahru, Johor. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti, kemahiran dan pengetahuan asas guru terhadap penggunaan Internet, masalah yang dihadapi semasa guru-guru menggunakan Internet bagi tujuan proses pengajaran dan pembelajaran serta faktor-faktor yang mendorong guru-guru menggunakan Internet bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini melibatkan 132 orang responden di kalangan guru-guru sekolah rendah di empat buah sekolah di daerah Johor Bahru, Johor. Data diperolehi menggunakan set soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian “*Statistical Package for Social Science*” versi 10.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru sekolah rendah mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas terhadap Internet. Guru-guru juga mempunyai kemahiran asas dan pengetahuan asas masing-masing dengan peratusan 76.66 dan 53.8 peratus terhadap penggunaan Internet. Terdapat beberapa masalah yang mempunyai peratusan yang tinggi (melebihi 60%). Diantara masalah tersebut ialah penggunaan yang lama dan meleakakan, kemudahan sekolah adalah terhad, rekabentuk laman web yang mengelirukan dan sumber yang ditemui dalam Bahasa Inggeris. Dikenalpasti terdapat tiga faktor yang mendorong penggunaan Internet menunjukkan peratusan yang tinggi (melebihi 60%), antaranya adalah untuk mendapatkan bahan terkini, minat guru untuk melayari Internet dan sokongan yang diberikan oleh pihak pentadbir sekolah kepada guru-guru.

ABSTRACT

The purpose of this study was to gauge of the Internet usage among teachers in primary schools in Johor Bahru, Johor. The focus of this study was to identify the skill and the knowledge of the teachers in using Internet, the problem that teachers faces while searching the Internet and the factors that motivate teachers to use the Internet. 132 teachers from four primary schools in Johor Bahru, Johor were involved in this study. The instrument used was five points Likert scale questionnaires. The data gathered were then analyzed using Statistical Package for Social Science software version 10.0. The finding show that teacher have basic skills and the knowledge to use Internet. The teacher also faces problem in using Internet such as take long time to get the appropriate resources, limited facilities in school, complicated websites and the resources are English Language. Finally, the factors that motivate teachers to use the Internet were to get new resources, the teacher own interest and also the support and encouragement given by the school administrators.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	<i>ABSTRACT</i>	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	3
	1.4 Objektif Kajian	4
	1.5 Persoalan Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	5
	1.7 Skop dan Batasan Kajian	6
	1.8 Definisi Operasional	6

2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	8
2.2	Kemahiran	9
2.3	Pengetahuan	10
2.4	Masalah yang dihadapi semasa menggunakan Internet	12
2.5	Faktor Pendorong Kepada Penggunaan Internet	13
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	14
3.2	Rekabentuk	14
3.3	Populasi Kajian	15
3.4	Persampelan Kajian	15
3.5	Instrumen Kajian	16
3.6	Prosedur Kajian	17
3.7	Kajian Rintis	17
3.8	Analisis Data	18
4	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	19
4.2	Analisis Bahagian A (Latar belakang responden)	20
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	20
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Umur	20
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Bidang Pengkhususan Responden	21
4.2.4	Taburan Responden Yang Pernah Mengikuti Kursus Berkaitan Penggunaan Internet.	22
4.3	Analisis Bahagian B	22
4.3.1	Analisis Persoalan 1	23
4.3.2	Analisis Persoalan 2	25

4.4	Analisis Bahagian C	28
	4.4.1 Analisis Persoalan 3	28
4.5	Analisis Bahagian D	32
	4.5.1 Analisis Persoalan 4	33
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	38
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	38
	5.2.1 Kemahiran asas guru-guru terhadap penggunaan Internet	38
	5.2.2 Pengetahuan asas guru-guru terhadap penggunaan Internet	39
	5.2.3 Masalah yang dihadapi semasa guru-guru Menggunakan Internet bagi tujuan proses pengajaran dan pembelajaran dan cadangan bagi mempertingkatkan penggunaannya.	40
	5.2.4 Apakah faktor-faktor yang mendorong guru- guru menggunakan Internet bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran	42
5.3	Rumusan	43
5.4	Cadangan	43
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	44
5.6	Kesimpulan	45
	RUJUKAN	46
	LAMPIRAN	48

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Skala Lima Mata	17
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	20
4.2	Taburan Responden Mengikut Peringkat Umur	20
4.3	Taburan Responden Mengikut Bidang Pengkhususan	21
4.4	Taburan Jangka Masa Kursus Internet Yang Pernah Dihadiri oleh Responden	22
4.5	Taburan Peratusan Item-Item Kemahiran Asas Penggunaan Internet	24
4.6	Analisa Purata Peratusan Keseluruhan Kemahiran Asas Penggunaan Internet	25
4.7	Taburan Peratusan Item-Item Pengetahuan Asas Penggunaan Internet	27
4.8	Analisa Purata Peratusan Keseluruhan Pengetahuan Asas Penggunaan Internet	27
4.9	Taburan Peratusan Item-Item Masalah Yang Dihadapi Semasa Menggunakan Internet	31
4.10	Analisa Purata Peratusan Keseluruhan Masalah Yang Dihadapi Semasa Menggunakan Internet	32
4.11	Taburan Peratusan Item-Item Faktor-Faktor Yang Mendorong Guru-Guru Menggunakan Internet	36
4.12	Analisa Purata Peratusan Keseluruhan Masalah Yang Dihadapi Semasa Menggunakan Internet	37

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Borang soal selidik	48- 54
B	Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia	55
C	Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Johor	56
D	Surat Pengesahan Pelajar Fakulti Pendidikan, UTM	57

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Internet merupakan salah satu penyalur pelbagai sumber maklumat kepada rangkaian komputer di seluruh dunia. Komputer dan pendidikan tidak dapat dipisahkan lagi dalam kehidupan manusia. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah membawa perubahan kepada gaya hidup masyarakat sedunia. Internet dianggap sebagai lautan data dan sumber. “Masyarakat yang hidup dalam zaman Internet dikenali masyarakat “*ubiquitous*” iaitu masyarakat yang saling berhubung di mana-mana di dunia dengan menggunakan gabungan komunikasi berkelajuan tinggi dan nanoteknologi”. (Utusan Malaysia, 2001).

Negara yang menguasai bidang Internet dan teknologi maklumat ini bakal menerajui pembangunan masa depan. Sebagaimana ucapan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Mahathir (2001),

“Masyarakat yang menguasai maklumat akan menguasai dunia. Maklumat adalah aset strategik bagi pembangunan sesebuah negara. Negara yang bermaklumat boleh mempengaruhi dunia dan mempunyai daya saing yang tinggi untuk mengatasi cabaran dan menguasai pasaran dunia.”

Pendidikan menggunakan komputer telah lama diamalkan di negara-negara maju seperti Amerika dan Eropah sejak awal tahun 60 an. Oleh sebab yang demikian, “Penggunaan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran sudah lama diamalkan mereka dan secara umumnya pendekatan yang telah dilaksanakan itu banyak

mendatangkan kebaikan daripada keburukan terutama dari segi pendemokrasian pendidikan (Jamaludin, 2000).” Penggunaan Internet di sekolah pula bertujuan untuk membawa dunia ke bilik darjah. Konsep ini bertujuan supaya guru dan pelajar sentiasa mengikuti perkembangan dunia tanpa sempadan dan menggunakan Internet sebagai sumber yang sangat luas. Secara tidak langsung Internet dapat membantu guru dalam pengajaran mereka.

Dengan perkembangan pesat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) kini, paradigma yang usang seperti pendekatan menyogok ilmu dan membuat latihan dari buku kerja semata-mata perlu dianjak ke paradigma yang menuntut kepada pembelajaran secara global yang boleh dilaksanakan di mana sahaja.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kementerian Pelajaran telah memberi pelbagai bentuk sokongan dalam usahanya mendidik dan melatih pelajar- pelajar dan guru-guru dalam bidang komputer dan teknologi maklumat. Kementerian juga telah menganjurkan pelbagai kursus bagi meningkatkan kemahiran guru dalam komputer dan Internet antaranya ialah Kursus Dalam Perkhidmatan 14 minggu Latihan Guru Sekolah Bestari (1998) dan Program Khas Pengsiswazahan Guru(1999)(Berita Harian, 2001). Kemudahan memperolehi ilmu pengetahuan melalui kecanggihan komputer khususnya melalui Internet bagi pelajar- pelajar di semua peringkat mula mendapat perhatian masyarakat.

Kewujudan TM School on-line, laman web pembelajaran melalui Internet keluaran Telekom Malaysia Berhad merupakan satu lagi perkembangan terkini dalam era pendidikan. Sistem pendidikan melalui langganan ini membolehkan para pelajar membuat ulangkaji atau rujukan untuk Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sistem ini juga menawarkan bahagian panel guru, di mana guru dan murid boleh bertukar-tukar maklumat serta rangkaian pendidikan yang dihubungkan ke berjuta-juta laman yang lain.

Kewujudan laman web berasaskan pendidikan seperti Portal Pendidikan Utusan oleh Utusan Malaysia dan Portal Pendidikan Skor A terbitan Kumpulan Berita Harian tumbuh bagaikan cendawan. Perkembangan positif ini secara tidak langsung menyemarakkan lagi penggunaan Internet dalam kalangan pelajar. Sehubungan dengan itu pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah, institut pengajian tinggi (IPT) dan guru-guru dituntut untuk berkemahiran dalam bidang teknologi maklumat supaya mereka mampu mengendalikan teknologi maklumat dengan berkesan. Menurut Puan Zainon Ahmad, bagi menyemarakkan lagi e-pembelajaran di Malaysia Portal Pendidikan TELEKOM Smart School (TSS) yang diberi nama getCyberE.Com telah dilancarkan khususnya disasarkan kepada pelajar sekolah rendah, menengah, pelajar IPT, guru, ibubapa serta sebarang organisasi pendidikan (Utusan Malaysia, 2001). Eksekutif Kanan Projek dan Operasi TSS, Syed Ismat Syed Ali menyatakan sehingga kini pihaknya menerima maklum balas yang positif daripada guru-guru. Ini menunjukkan pendidikan kita tidak mahu ketinggalan dalam kemudahan teknologi yang banyak memberi manfaat ini.

Pendidikan adalah satu usaha yang berterusan sepertimana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan. Ianya juga akan sentiasa berubah mengikut arus peredaran masa dan sains teknologi. Dari setiap detik, penemuan-penemuan saintifik semakin sukar untuk diperjelaskan kepada umum, namun hasil dari teknologi komputer yang semakin canggih telah dapat mengatasi masalah tersebut dengan begitu mudah. Tindakan ini selaras dengan pembangunan Negara untuk menjadikan dalam mewujudkan masyarakat berilmu dan celik IT.

1.3 Pernyataan Masalah

Sistem pendidikan di Negara kita telah berkembang pesat dengan penggunaan komputer sebagai alat bantu mengajar menggantikan sistem tradisional yang berpusatkan guru. Kemudahan teknologi seperti teknologi Internet diwujudkan sebagai cabang dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran bestari. Walau bagaimanapun penyediaan bahan rujukan dan pengajaran adalah bergantung kepada kemampuan guru-guru menguasai dan mempunyai kemahiran dalam

mengendalikan komputer khususnya dalam pencarian bahan menerusi Internet sesuai dengan perkembangan yang melanda sistem pendidikan di Malaysia.

Kerajaan menyedari bahawa penggunaan Internet dalam pendidikan membawa banyak manfaat, persoalannya, sejauh mana penggunaan Internet telah diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Penyelidikan yang dilakukan oleh Zahidi dan Rosli (2001), ke atas guru-guru di Kelantan. Dapatan mencatatkan responden seramai 33.6 peratus bersetuju faktor kekurangan pengetahuan dan kemahiran tentang penggunaan teknologi juga menyumbang kegagalan perlaksanaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Memandangkan gelombang teknologi terkini semakin besar, adalah perlu bagi penyelidik membuat kajian mengenai penguasaan dan pengetahuan yang dimiliki dan diperlukan oleh guru-guru di sekolah rendah sekitar Johor Bahru. Dengan demikian pengetahuan dan bekalan kemahiran dalam kalangan guru-guru di peringkat sekolah rendah adalah amat wajar dibuat kajian.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meninjau bagaimana Internet digunakan oleh guru-guru di sekolah rendah dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, bagi mendapatkan masalah yang dihadapi dalam penggunaannya. Di antara objektif kajian ini adalah untuk:

- i) mengenalpasti kemahiran asas guru-guru terhadap penggunaan Internet.
- ii) mengenalpasti pengetahuan asas guru-guru terhadap penggunaan Internet.
- iii) mengenalpasti masalah yang dihadapi semasa guru-guru menggunakan Internet bagi tujuan proses pengajaran dan pembelajaran.

- iv) mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong guru-guru menggunakan Internet bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

1.5 Persoalan Kajian

Di antara persoalan kajian yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah:-

- i) Adakah guru-guru mempunyai kemahiran asas terhadap penggunaan Internet?
- ii) Adakah guru-guru mempunyai pengetahuan asas guru-guru terhadap penggunaan Internet?
- iii) Apakah masalah yang dihadapi semasa guru-guru menggunakan Internet bagi tujuan proses pengajaran dan pembelajaran?
- iv) Apakah faktor-faktor yang mendorong guru-guru menggunakan Internet bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran?